

UJIAN BERTULIS
(2 JAM)

**PEPERIKSAAN
PERCUBAAN
PT3 2017**

02

Bahasa Melayu

ARAHAN:

1. Buka kertas soalan ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
4. Kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Nama Pemeriksa:		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
Jumlah	100	

NAMA :

TINGKATAN :

Arahan : Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Satu soalan Bahagian D.

BAHAGIAN A
(25 markah)

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan tatabahasa. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

i) Kakak begitu teruja sekali apabila mendapat hadiah daripada sasterawan negara yang paling tersohor itu.

ii) Oleh sebab bekerja di negeri yang berlainan; anak-anak Pak Hamid jarang berjumpa kecuali pada Hari Raya Aidilfitri.

iii) "Patik menuruti titah tuanku untuk menangkap hulubalang yang mengamuk itu," sembah Panglima Hitam kepada Sultan Mansur.

iv) Tidak tersusun oleh saya buku yang banyak itu seorang diri jika sekiranya tiada siapa-siapa yang menghulurkan bantuan.

(8 markah)

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

i) Akhir-akhir ini, mediamassa sering membuat liputan tentang keselamatan sekolah yang agak longgar.

ii) Kawalan keselamatan pelajar masih menjadi tanggungjawab pihak sekolah bagi memastikan keharmonian warganya sentiasa terpelihara.

iii) Anggota masyarakat hendaklah menunjukkan keperihatinan terhadap anak-anak agar mereka menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara.

(3 markah)

3 Tukarkan ayat bersusunan biasa di bawah ini kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

i) Adi dan Azman suka bermain bola di padang pada waktu petang.

ii) Encik Adam peniaga yang berjaya di dalam kampung ini.

iii) Kamu hendak pergi ke Kuala Lumpur dengan siapa?

iv) Anak-anak perlu meluangkan masa yang lebih bersama-sama ibu bapa agar mereka tidak berasa sunyi.

v) Kain yang kotor itu telah dibasuh oleh emak dengan menggunakan sabun pencuci.

(10 markah)

- 4 Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam petikan tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.

Kajian menunjukkan bahawa rakyat Malaysia kurang membaca berbanding rakyat di negara-negara maju yang lain. Dalam hal ini ibu bapa harus menjadi teladan kepada anak-anak dalam usaha memupuk budaya membaca. Amalan murni ini harus dipupuk sejak anak-anak masih kecil. Walaupun pada awalnya amalan membaca ini sukar untuk disebatikan dalam jiwa anak-anak namun apabila sudah biasa dilakukan pastinya perkara ini bukanlah menjadi masalah besar apabila mereka dewasa nanti. Sesungguhnya tiada kejayaan tanpa pengorbanan. Lantaran itu, seseorang individu perlu sanggup bersusah payah menuntut ilmu demi kejayaan dan kesenangan hidup pada kemudian hari.

i)

ii)

(4 markah)

BAHAGIAN B
(30 markah)

- 5 Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka baginda pun berangkat masuk ke dalam istananya. Maka segala raja dan hulubalang itupun masing-masing pulang ke rumahnya. Maka Miskin pun sampailah kepada tempatnya. Setelah dilihat oleh bininya akan suaminya datang membawa mempelam setangkai, maka ia pun tertawa seraya disambutnyalah lalu dimakannya.

Setelah sudah itu ada selang tiga hari antaranya maka isterinya pun menangis pula hendak makan buah nangka yang di dalam taman raja itu juga. Maka pergi pula Miskin itu memohonkan kepada baginda itu.

Maka sujudlah pula ia kepada baginda. Maka titah baginda, "Apa pula kehendakmu, hai Miskin?"

Maka sahut Si Miskin, "Ya Tuanku, ampun beribu-ribu ampun," serta ia sujud kepalanya lalu diletakkannya ke tanah serta ia berkata pula. "Hamba ini orang miskin, hamba minta daun nangka yang gugur ke bumi barang sehelai."

Maka titah baginda, "Hai, Miskin, hendak kau buat apa daun nangka, baiklah aku beri buahnya barang sebiji."

Maka diberikan kepada Si Miskin itu. Maka iapun seraya bermohon kembali mendapatkan isterinya itu. Maka iapun sampailah. Setelah dilihat oleh isterinya itu suaminya datang itu, maka disambutnya buah nangka lalu dimakan oleh isterinya itu. Demikian telah selama hamil itu segala makanan, kain baju dan beras padi dan segala perkakas itu pun banyaklah dia diberi orang.

(Dipetik daripada "Bahagia Sesudah Derita"
antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Aras Mega (M)
Sdn. Bhd.)

i) Apakah hajat isteri yang cuba dipenuhi oleh Si Miskin sepanjang kehamilannya?
(3 markah)

ii) Nyatakan dua latar masyarakat yang terdapat dalam petikan tradisional di atas.
(3 markah)

iii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang perlu dilakukan oleh seseorang isteri untuk menghargai pengorbanan suaminya?
(4 markah)

6. Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Bintang

Suatu malam aku duduk
di halaman rumah
kulihat cantiknya bintang-bintang
menghias langit yang terbentang
aku ingin terbang ke sana
membawa pulang bintang-bintang
tentu ibu gembira
tentu ayah bahagia
melihat rumah ini
penuh dengan cahaya.

Tetapi kata ibu
itu tidak perlu
ayah sudah ada bintang
begitu juga ibu
rumah sudah bercahaya
begitu juga jiwa mereka
bintang itu adalah aku
bintang hati ayah dan ibu.


Siti Zaleha M. Hashim
(Dipetik daripada antologi Bintang Hati,
Tingkatan 3, Puisi Tunas Bangsa, 2008
'K' Publishing Sdn. Bhd)

- i) Apakah reaksi penyajak apabila melihat bintang-bintang menghiasi langit?
(3 markah)

- ii) Nyatakan dua nilai murni yang dapat anda peroleh dalam sajak di atas.
(3 markah)

- iii) Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan oleh anak-anak untuk mencapai kecemerlangan demi kebahagiaan ibu bapa?
(4 markah)

7. Jawapan hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3, *Chot* karya Azizi Hj. Abdullah.




Berdasarkan novel yang telah anda kaji, jelaskan tiga perwatakan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut. Jawapan perlu disokong dengan contoh peristiwa yang sesuai

(10 markah)

A series of 20 horizontal lines for writing, spaced evenly down the page.

BAHAGIAN C
(15 markah)

- 8 Lihat gambar berikut dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.



tutup makanan

basuh tangan dengan betul

masak makanan dengan sempurna

Kes Keracunan Makanan di Negeri Terengganu

2013	2014	2015	2016
192 kes	220 kes	298 kes	276 kes

- Sumber data : Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Jabatan kesihatan memantau kebersihan premis penyediaan makanan
- Jabatan kesihatan boleh menyita premis penyediaan makanan yang tidak bersih

BAHAGIAN D
(30 markah)

9 Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- (i) Hari Koperasi di sekolah anda telah dilangsungkan baru-baru ini. Anda telah diminta menyediakan laporan untuk dimuatkan dalam majalah sekolah. Sediakan laporan itu selengkapnya.
- (ii) Semangat kejiwaan dalam kalangan masyarakat di negara ini semakin longgar. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil agar semangat kejiwaan ini dapat ditingkatkan.
- (iii) Sewaktu dalam perjalanan pulang dari sekolah, anda telah melihat suatu kemalangan jalan raya. Perihalkan pengalaman anda itu.

Lined writing area with 20 horizontal lines.

A series of horizontal lines for writing, consisting of 23 parallel lines spaced evenly down the page.

KERTAS SOALAN TAMAT